

Persada

Peneraju Masa Depan Gemilang



Bil. 12 Edisi Konvo 2013 | ISSN : 1675 - 2651

Tahniah!



Wacana

Ketua Editor

Konvokesyen UNIMAS kali Ke-17 sekali lagi berlangsung pada 9 hingga 10 November 2013 dengan menyaksikan penyerahan ijazah kepada seramai 1,889 orang mahasiswa terdiri dari pelajar pra siswazah dan pasca siswazah.

TAHNIAH kepada pelajar UNIMAS yang bergraduasi tahun ini. Sesungguhnya kejayaan yang dikecapi adalah bertitik-tolak kepada keazaman dan kesungguhan para pelajar serta sokongan kuat oleh ibu bapa serta keluarga tercinta.

Majlis bersejarah ini juga membuktikan keupayaan UNIMAS melahirkan mahasiswa yang mampu berdaya saing serta berinovasi dalam pasaran kerja yang terbentang luas.

UNIMAS sebagai IPTA dalam negara ini sentiasa mencari langkah untuk menyediakan perkhidmatan dan pasaran pelajaran yang terbaik kepada para pelajar dari masa ke semasa. Justeru, selain menerapkan pelajar dengan pembelajaran dalam kelas, UNIMAS turut mengalakkan pelajar merasai pengalaman dalam lingkaran kerja sebenarnya selain mengasah bakat mereka dalam program-program kemasyarakatan.

UNIMAS turut menempa kejayaan dalam pelbagai pertandingan yang dianjurkan sam ada dalam negara mahupun luar negara. Dalam memastikan UNIMAS terus gah dan sebaris dengan IPTA lain di negara ini, universiti ini juga mengambil pendekatan wajar dengan memperbanyakkan jalinan hubungan dan kerjasama dengan pihak luar.

Sekali lagi, sekalung tahniah dipanjatkan kepada semua pihak terutama mahasiswa yang bergraduasi pada Konveksyen UNIMAS kali ke-17 ini. Semoaga apa yang diperolehi dan dipelajari semasa menuntut di UNIMAS selama ini, dapat dipraktikkan sebaik mungkin semasa berada dalam alam pekerjaan kelak.

TAHNIAH..

Mutiara Kata

Melangkah Itu Mudah,
Namun Mencari Arah Itu Yang Terkadang Payah.
Mencari Jalan Itu Mudah,
Namun Memahami Destinasi Itu Yang Susah.
Menyusuri Susur Itu Mudah,
Namun Menuju Nuktah Itu Pasti Mendatangkan Lelah.

EDITORIAL

Penasihat

Prof Dato' Dr Mohamad Kadim Suaidi
Prof Dr Fatimah binti Abang
Prof Dr Peter Songan
Prof Mohd Fadzil Abdul Rahman
Tuan Hj Abu Bakar Ibrahim

Ketua Editor

Dr Ahi Sarok

Editor

Sabrina Mahili
Norinda K. Su'ut
Sarena Haidir

Pelajar Latihan Industri

Andersonley ak Banchang

Pereka

Abg Zainuddin B. Abg Haji Sharkawi

Jurufoto

Hj Bujang Mohamad
Azlandy Mohammid Ali Tuah

Edaran

Roderick Rojis

Penerbit

Bahagian Penerbitan Aras 5
Bangunan CAUH
Universiti Malaysia Sarawak

Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Alfred Jabu Pro-Canselor Kedua UNIMAS



Timbangan Ketua Menteri Sarawak Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Alfred Jabu anak Numpang dilantik sebagai Pro-Canselor Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) yang kedua.

Pelantikan yang berkuatkuasa padanya 8 Oktober 2013 merupakan lantikan Pro-Canselor Kedua selepas Ketua Menteri Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud menjadi Pro-Canselor Pertama pada tahun 1997.

Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan Sebagai Pro-Canselor Kedua UNIMAS itu telah diadakan di Wisma Bapa Malaysia baru-baru ini disampaikan oleh Naib Canselor UNIMAS Prof Dato' Dr Mohammad Kadim Suaidi dan disaksikan Pengerusi Lembaga Pengarah UNIMAS Datu Dr Hatta Solhi.

Datuk Patinggi Tan Sri Alfred Jabu menyifatkan pelantikan beliau sebagai Pro-Canselor UNIMAS itu sebagai satu penghormatan yang cukup tinggi kepada dirinya.

Menurutnya, kepercayaan tinggi yang telah diberikan oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) untuk memegang jawatan berkenaan akan dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab untuk kecemerlangan UNIMAS dalam bidang pendidikan negara.

UNIMAS yang telah 21 tahun bertapak di negeri ini akan menjadi pemangkin kepada kemajuan dalam bidang berkaitan pendidikan bagi melahirkan graduan yang berkualiti,"katanya.

Beliau memberitahu, bagi memastikan kecemerlangan berterusan UNIMAS prasarana dan infrastruktur bagi keselesaan pelajar akan sentiasa dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

Datuk Patinggi Tan Sri Alfred Jabu adalah anak kelahiran Betong dan merupakan graduan Lincoln University New Zealand dalam bidang Sains Pertanian pada tahun 1966.

Beliau juga telah dianugerahkan *Doctor Of*

Natural Resources dari Lincoln University, New Zealand pada tahun 1997 atas sumbangan besar beliau dalam membangunkan bidang pertanian dan pengurusan sumber asli di Sarawak.

Mempunyai pengalaman luas dalam perkhidmatan awam dan politik di Sarawak khususnya yang menyaksikan beliau turut pernah berkhidmat sebagai Pegawai Pertanian selama tujuh tahun pada awal kerjayanya pada tahun 1967 sebelum menceburi bidang politik pada tahun 1974.

Majlis pemahsyuran Datuk Patinggi Tan Sri Alfred Jabu sebagai Pro-Canselor Kedua UNIMAS akan diadakan pada 9 November 2013 bersempena dengan perasmian sidang Majlis Konvokesyen UNIMAS Tahun 2013 Ke-17 bertempat di Dewan Tunku Abdul Rahman Putra (DeTAR Putra) oleh Yang di-Pertua Negeri Tun Datuk Patinggi Abang Haji Muhammad Salahuddin yang juga Canselor UNIMAS.

UNIMAS Dianugerah Penghormatan Penciptaan Di I-ENVEX 2013



Danial Ibrahim, Cathy Ambrose telah dianugerahkan anugerah Emas dan “Penghormatan dalam Ciptaan” bagi ciptaan “*Mobile Automated White Pepper Retting Machine Intergrated with Crude Enzyme Solutions*”. Produk tersebut merupakan hasil kerjasama penyelidikan yang dilakukan oleh Fakulti Sains Sumber dan Teknologi UNIMAS, yang diterajui oleh Dr Azham Zulkarnain. Bong Sik Hsiang pula telah memenangi pingat perak dalam “*Design and Development of Pastry Shell Forming Machine for Small Cottage Industry*”. Siti Noor Haizum Semait, Ting Huong Hung and Curt Henning Bartholomew masing-masing telah memenangi pingat gangsa untuk tiga penyelidikan inovasi yang diberi nama, “*Painless Needle Quadrupletip Microneedles*”, “*i-peg: Smart Clothes Air Drying Solution*” dan “*Mesin Pengeringan Lada secara Automatik*”.

Fakulti kejuruteraan UNIMAS telah memenangi lima pingat dan satu anugerah “Penghormatan dalam Ciptaan” daripada Pameran Inovasi dan Ciptaan

Dunia (i-ENVEX 2013) yang telah berlangsung di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) pada 16-19 April 2013. Wakil UNIMAS terdiri daripada lima pelajar ijazah yang diketuai oleh Dr Mohd



Program “GO BALD-Help kids fight cancer” di UNIMAS

UNIMAS Berjaya membuat kutipan sebanyak RM 12,479 untuk disumbangkan kepada Pertubuhan Kanser Kanak-Kanak Sarawak (SCCS) selepas 65 orang warga universiti ini termasuk staf dan pelajar ‘membotakkan’ kepala masing-masing.

Program ‘membotakkan’ kepala itu bertujuan untuk membantu SCCS disamping memberi kesedaran kepada masyarakat berkaitan dengan penyakit kanser.

Program ini telah dijalankan di DeTAR PUTRA UNIMAS dan dianjurkan oleh Persatuan Pengurus UNIMAS.

Menurut Ketua Jabatan Patologi Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan UNIMAS, Prof Dr Henry Rantai Gudum masih terdapat masyarakat yang berpandangan negatif tentang penyakit kanser.

“Ramai pesakit dan keluarga mereka juga bimbang berkaitan rawatan seperti kemoterapi dan radioterapi. Memang benar rawatan ini mempunyai kesan sampingan namun, hanya bersifat

sementara sahaja. Ianya akan hilang sejeurus selepas pesakit sembuh”, katanya.

Justeru, katanya, UNIMAS mengambil langkah dengan menganjurkan program tersebut sebagai memberi kesedaran, kepada masyarakat kita dan juga pihak berkaitan kanser.

Sambil memuji *Sarawak Children’s Cancer Society (SCCS)*, Prof. Dr Henry menegaskan bahawa UNIMAS akan terus menyokong usaha-usaha yang membawa kebaikan kepada masyarakat.



UNIMAS Cadang Tubuh Pusat Jalinan Masyarakat

UNIMAS bercadang untuk menubuhkan sebuah Pusat Jalinan Masyarakat bagi menguruskan program kemasyarakatan.

Naib Canselor UNIMAS, Prof Dato' Dr Mohamad Kadim Suaidi berkata, penubuhan pusat tersebut masih dalam perancangan dan jika ditubuhkan, pusat itu akan menyediakan program khidmat masyarakat.

Prof Dato' Dr Mohamad Kadim berkata demikian semasa menghadiri majlis pelepasan peserta Kembara IPT Kenyalang

2013 di Dewan Delima UNIMAS, baru-baru ini yang dilakukan oleh Residen Samarahan, Encik Ismail Mohd Hanis.

Beliau turut menasihati penganjur program terutama Majlis Perwakilan Pelajar supaya menganjurkan program yang memberi manfaat terus kepada masyarakat.

"Sebagai contoh, semasa menyertai program kemasyarakatan, pelajar boleh bergotong-royong membina fasiliti kepada masyarakat di tempat yang mereka kunjungi nanti,"

katanya lagi.

Prof Dato' Dr Mohamad Kadim menambah program sedemikian akan melatih pelajar untuk menjadi seseorang yang berbakat dalam pasaran pekerjaan kelak.

Dalam pada itu, Residen Samarahan, Encik Ismail Mohd Hanis mengucapkan terima-kasih kepada pelajar yang menyertai kembara tersebut dan memilih Samarahan untuk program berkenaan.

Beliau berkata, program itu membolehkan pelajar mendekati masyarakat setempat dan membantu mempromosi Samarahan di mata dunia luar.

Program berkenaan, katanya, telah dihadiri oleh 450 orang pelajar dari pelbagai Institut Pengajian Tinggi bermula dari 24 hingga 30 Jun lepas dengan berkunjung ke empat kawasan iaitu Simunjan, Asajaya, Kota Samarahan dan Serian.

Hadir sama ialah Timbalan Naib Canselor UNIMAS, Prof Mohd Fadzil Abdul Rahman dan Pengarah Program, Muhd Zul Syafiq Abdul Wahab

Dua pelajar UNIMAS terima penghargaan STA



Dua pelajar UNIMAS mendapat penghargaan daripada Persatuan Kayu-Kayan Sarawak (STA) atas usaha keras mereka dalam pembelajaran selama ini. Dua pelajar tersebut ialah Ho Soo Ying dan Mugunthan Perumal, pelajar jurusan Pengurusan Sumber dan Sains Tumbuhan dari Fakulti Sains dan Sumber Teknologi.

Ho Soo Ying pernah

menerima keputusan cemerlang dan Anugerah Dekan sebanyak lima kali manakala Mugunthan Perumal mengkagumkan STA dengan projek tahun akhir beliau.

Selain itu, Ho Soo Ying yang berasal dari Melaka dan pernah mewakili UNIMAS dalam Sukan Mahasiswa Borneo (SUKMAB) dan memenangi pingat gangsa dalam Kejohanan Sukan Malaysia-Indonesia (SUKMALINDO) 2010.

Manakala Mugunthan Perumal merupakan anak jati Sarawak dan telah membuat projek akhir bertajuk 'Proses Pembesaran Tumbuhan *'Shorea Macrophylla'* yang terdapat di Hutan Simpan Sampadi.

Kejayaan kedua-dua pelajar itu membuktikan UNIMAS mampu melahirkan pelajar yang cemerlang dan berpotensi untuk berkhidmat dalam industri.

SEMANGAT KEMERDEKAAN sambut pelajar baharu UNIMAS



Sambutan ulangtahun ke-50 Sarawak merdeka bersama Malaysia pada tahun ini amat bermakna bagi UNIMAS apabila seramai 3969 pelajar yang terdiri dari 1244 siswa dan 2725 siswi baharu menyertai UNIMAS pada Minggu Aluan Pelajar (MAP) bagi pengambilan sesi september 2013/2014. Sambutan pelajar baharu pada kali ini mencatatkan sejarah tersendiri kerana Naib Canselor UNIMAS, Prof Dato' Dr Mohamad Kadim Suaidi telah turun padang menyambut kedatangan para pelajar baharu di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching pada hari pertama pendaftaran. Turut menyambut kedatangan

pelajar-pelajar baharu UNIMAS ialah Timbalan Naib Canselor (akademik dan Antarabangsa) YBhg. Prof Dr Fatimah Abang, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) YBhg. Prof. Dr. Peter Songan, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) YBhg. Prof. Mohd. Fadzil Abdul Rahman, serta pengurusan tertinggi UNIMAS.

Minggu Aluan Pelajar (MAP) bagiambilan September sesi 2013/2014 ini telah berlangsung selama seminggu bermula dari hari pertama melapor diri sebagai siswa-siswi UNIMAS pada 1 dan 2 September 2013.

Pelajar antarabangsa yang baharu mendaftar pula seramai

65 pelajar terdiri daripada 38 siswa dan 27 siswi yang sebahagian besarnya terdiri dari negara China, Indonesia, Republik Kyrgyz, Pakistan, Turki, Bangladesh dan Myanmar.

Pelajar ambilan pada kali ini terdiri daripada pelajar pelbagai jurusan program dari fakulti seperti Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia (617 pelajar), Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (330 pelajar), Fakulti Ekonomi dan Perniagaan (552 pelajar), Fakulti Sains dan Teknologi Sumber (621 pelajar), Fakulti Sains Sosial (698 pelajar), Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif (623 pelajar), Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (166 pelajar) dan Fakulti Kejuruteraan (362 pelajar).

Pelajar-pelajar baharu ini akan ditempatkan di kolej-kolej kediaman yang terdapat di UNIMAS iaitu Kolej Allamanda, Kolej Bunga Raya, Kolej Cempaka, Kolej Tun Ahmad Zaidi dan Kolej Sakura.

Antara program menarik yang telah dijalankan sepanjang MAP ialah Majlis Ikrar Pelajar (MIP), Malam Kesarjanaan Mahasiswa (MKM) dan Malam Rumpun Budaya (MRB).



Majlis Perasmian UNIMASku SAYANG



Pusat Pemajuan Pelajar (PPP) dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) telah mengambil inisiatif untuk melaksanakan satu program kerjasama antara pelajar UNIMAS dengan Komuniti yang diberi tajuk “Program UNIMASku Sayang”.

Program ini yang berteraskan konsep *University Community Engagement (UCE)* yang dijalankan akan dapat memberi manfaat kepada pelajar secara holistik dalam melahirkan warga Malaysia yang patriotik dan perihatin. Program bersifat intergrasi kemahiran-kemahiran dalam Kemahiran Insaniah (KI) ini melibatkan aktiviti bersama

masyarakat pelbagai lapisan yang dijalankan bagi membantu menyelesaikan isu-isu semasa yang berbangkit, bersifat setempat dan sesuai dengan kehendak serta keperluan semasa. Di samping itu, pelajar juga dapat mengadaptasikan pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari di kampus dan memperluaskan lagi kepada masyarakat.

Diharapkan program yang dijalankan akan menyemarakkan budaya khidmat komuniti, kesukarelawan, keusahawanan sosial, dan memantapkan aspek jati diri dalam jiwa pelajar agar terus menyumbang dalam masyarakat. Pelaksanaan program ini dijangkakan mampu menyumbang kepada

pelaksanaan pelan transformasi nasional dan akan turut menyumbang kepada pembinaan warganegara Malaysia yang akan menyumbang secara positif kepada pencapaian Wawasan 2020.

Selain itu, program ini turut memperkasakan semangat kesukarelawan dan keusahawanan dalam kalangan pelajar yang seterusnya menjadi budaya bagi kehidupan yang mereka akan jalani selepas bergraduat dari pengajian di UNIMAS. Ianya adalah merupakan matlamat utama UNIMAS untuk melahirkan graduan yang bukan sahaja cemerlang dalam akademik, namun mempunyai kemahiran insaniah yang tinggi selain dari menepati ciri-ciri *employability* dan *marketability*. Ini adalah kerana pembinaan modal insan adalah menjadi fokus dan agenda utama kepimpinan negara untuk direalisasikan oleh semua pihak termasuk pelajar di UNIMAS.

Majlis perasmian Program UNIMASku Sayang diadakan di Pusat Pemajuan Pelajar, Universiti Malaysia Sarawak pada 6 september 2013 (Jumaat) dan disempurnakan oleh YBhg. Prof Dato’ Dr Mohamad Kadim Suaidi, Naib Canselor UNIMAS.

UNIMAS tingkat jumlah pelajar Asasi Sains

Seramai 721 orang pelajar baharu telah memasuki program Asasi Sains UNIMAS telah melafazkan ikrar sempena dengan Majlis Aluan Pelajar (MAP), baru-baru ini. Lafaz ikrar tersebut melibatkan 441 pelajar Asasi Sains Hayat dan 280 pelajar Asasi Sains Fizikal pada pengambilan tahun ini.

Naib Canselor UNIMAS, Prof. Dato’ Dr Mohamad Kadim Suaidi berkata lafaz ikrar tersebut membuktikan akuan penerimaan mereka untuk menjadi sebahagian daripada warga UNIMAS.

“Ini merupakan pemindahan terbesar dalam hidup kamu iaitu dari peringkat sekolah ke peringkat universiti,” katanya.

Sehubungan itu beliau

berharap pelajar menunaikan tanggungjawab sebagai warga universiti seperti mematuhi Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971 dan peraturan-peraturan UNIMAS.

Naib Canselor turut menasihatkan para pelajar supaya menghayati konsep 1Malaysia dan menjadikannya sebagai amalan dalam kehidupan.

Beliau memberitahu, konsep 1Malaysia haruslah dilihat sebagai konteks untuk warga baharu UNIMAS dengan menghargai kepelbagai kaum dan agama.

“Saya berharap supaya pelajar dapat mengekalkan hubungan baik sesama sendiri selain mengenyahkan perbezaan kaum dan agama, ideologi politik,

taraf ekonomi dan status sosial,” katanya lagi.

Majlis mengangkat sumpah tersebut merupakan kemuncak kepada program lima hari MAP untuk pelajar asasi sains UNIMAS yang baharu sebagai usaha memberi pendedahan untuk suasana kampus yang baharu.

Turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Prof Dr Fatimah Abang, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Prof Dr Peter Songan, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Prof Mohd. Fadzil Abdul Rahman serta Dekan Pusat Pengajian Pra-Universiti, Prof Dr Sinin Hamdan.



APA KATA NC

1 PERSADA: Tahniah atas pelantikan Prof sebagai Naib Canselor UNIMAS yang baharu.

Prof Dato' Dr Mohamad Kadim Suaidi: Terima kasih. Lantikan ini merupakan satu tanggungjawab dan kepercayaan yang amat besar daripada Kementerian Pendidikan Malaysia kepada saya sepanjang karier saya di dalam bidang akademik dan pengajian tinggi. Saya sendiri tidak menyangka akan kembali ke UNIMAS selepas meninggalkan UNIMAS untuk berkhidmat di UTEM pada tahun 2004. Ianya merupakan satu penghormatan kepada saya untuk berkhidmat di IPTA ulung di negeri kelahiran saya sendiri selepas hampir 9 tahun menabur khidmat di Melaka.

2 Setelah memegang jawatan sebagai Naib Canselor, apakah perancangan utama Prof Dato' untuk memastikan UNIMAS berkembang atau dikenali di peringkat tempatan dan antarabangsa?

UNIMAS berada di kedudukan ke-181 daripada 500 Universiti di Asia dan ketujuh di Malaysia dalam QS

Asian University Rankings 2013. Mengambil kira usia UNIMAS yang baharu mencecah 21 tahun, ia menunjukkan UNIMAS berada di landasan terbaik untuk meneruskan kecemerlangan di dalam bidang pengajian tinggi negara.

Pada masa yang sama, kita masih meneruskan Pelan Strategik UNIMAS 2015 yang telah terbukti berjaya memacu UNIMAS ke tahap hari ini dengan memberi penekanan kepada aspirasi UNIMAS untuk membudayakan penyelidikan dalam konteks UNIMAS sebagai sebuah Universiti Komprehensif serta usaha untuk membantu dan menyumbang kepada Koridor Tenaga Diperbaharui (SCORE).

Dalam Majlis Amanat Naib Canselor Tahun 2013, saya telah berkongsi dan memperkenalkan beberapa langkah perancangan strategik yang saya yakin akan membantu kita dalam meneruskan kegemilangan UNIMAS.

Antara langkah tersebut ialah memperkasakan Pengurusan dan Tadbir Urus Universiti di mana saya yakin pengurusan dan tadbir urus yang holistik akan menjadi kunci utama kepada kejayaan perancangan strategik kita. Sehubungan itu, pengurusan sumber manusia yang cekap serta mengenalpasti fungsi dan bidang jawatankuasa-jawatankuasa UNIMAS sedia ada ditekankan bagi memastikan hasrat kita itu tercapai.

Saya juga menggariskan beberapa perancangan di dalam langkah kita untuk mencerahkan *visibility* UNIMAS kepada pihak luar iaitu memperkukuhkan jaringan dengan masyarakat dan industri. Ini kerana ianya mampu menyerlahkan UNIMAS di mata pihak luar dengan memperkenalkan imej korporat dan *visibility* yang tinggi untuk terus memperkenalkan UNIMAS dengan imej yang kita boleh banggakan. Oleh itu, kita akan mengambil langkah-langkah yang pragmatik bagi menjadikan UNIMAS sebagai sebuah Universiti yang memainkan peranan dalam mendampingi dan menjalinkan kerjasama dengan masyarakat.

Saya percaya, untuk merealisasikan hasrat tersebut, kita perlu kembali kepada pengukuhan kualiti dan meneruskan kecemerlangan akademik dan

penyelidikan UNIMAS bagi memastikan kita terus bersaing dalam arus globalisasi pada hari ini. Sebagai sebuah IPTA, akademik dan penyelidikan merupakan produk utama yang harus kita berikan tumpuan utama bagi memastikan UNIMAS untuk terus relevan, dirujuk dan dihormati. Kita harus memastikan agar produk akademik dan penyelidikan UNIMAS hendaklah terus relevan dengan keperluan negeri dan negara yang akan menjadikan hasilnya sentiasa menjadi rujukan serta seterusnya menjadikan UNIMAS sentiasa dihormati.

3 Apakah perubahan atau penambahbaikan yang ingin ditekankan dalam memperhalusi perancangan berkenaan?

UNIMAS bertuah kerana telah mempunyai asas penubuhan dan operasi yang kukuh serta fasiliti yang amat baik. Dengan kumpulan bakat yang ada dalam UNIMAS, saya percaya jika ianya diadun dengan baik dengan perancangan dan pemantauan berterusan dari pihak Pengurusan, ianya akan membantu kita untuk memacu kecemerlangan UNIMAS pada masa hadapan.

Untuk itu, kita telah memperkenalkan beberapa pembaharuan terutamanya di dalam pengurusan dan urus tadbir dengan mengenalpasti beberapa PTJ dan jabatan yang telah ditubuhkan dan dinaiktaraf beberapa PTJ sedia ada untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan PTJ-PTJ tersebut serta melaksanakan pengstruktur semula untuk jabatan-jabatan utama Universiti seperti Pejabat Pendaftar, Pejabat Canselor, BHEPA dan beberapa jabatan lain.

Saya juga telah menggariskan beberapa langkah strategik yang akan diambil oleh Pengurusan UNIMAS untuk mengukuhkan kualiti akademik antaranya dengan dinaiktaraf Unit Pembangunan Akademik dan Pengurusan Kurikulum kepada Bahagian Pembangunan dan Pengurusan Kurikulum, Unit Penerbitan kepada Bahagian Penerbitan

dan Unit Jaminan Kualiti kepada Pusat Perancangan Strategik dan Pengurusan Kualiti.

Selain itu, kita memperkenalkan langkah-langkah yang dapat membantu memperkasakan aktiviti penyelidikan di UNIMAS bagi memastikan budaya penyelidikan di UNIMAS akan berkembang mekar selaras dengan hasrat kita untuk membudayakan penyelidikan bagi memastikan penyelidikan dan penerokaan ilmu baharu dan hebahan melalui jurnal-jurnal ilmiah.

Antara langkah yang telah kita ambil ialah mengkaji semula peranan dan fungsi Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi dan CTTC serta memperkenalkan skim dan insentif yang menarik kepada penyelidik UNIMAS sebagai galakan kepada aktiviti teras Universiti ini.

Untuk kedua-dua aktiviti utama ini, kita telah merancang untuk memastikan sistem sokongan akademik dan penyelidikan seperti staf akademik dan penyelidik yang kompeten, fasiliti pengajaran-pembelajaran, dewan dan bilik kuliah, perpustakaan, makmal, ICT, kolej kediaman pelajar dan kemudahan lain disediakan mengikut keperluan semasa.

4 Pada pandangan Prof Dato', apakah kekuatan yang ada pada UNIMAS yang boleh kita ketengahkan?

Kita di UNIMAS bertuah kerana mempunyai staf yang berbakat dan berpotensi diketengahkan untuk memimpin universiti dan saya percaya, bakal pemimpin di dalam organisasi itu sendiri merupakan calon terbaik untuk memandu sesebuah organisasi mencapai kecemerlangan.

Bakal pemimpin ini akan berupaya untuk meneruskan dan mengenalpasti keperluan perancangan strategik UNIMAS seperti yang telah dirancang. Kombinasi dari barisan sumber manusia dan kekuatan yang sedia ada akan memastikan UNIMAS akan terus berdiri sama tinggi dengan IPTA-IPTA lain di negara ini.

Kita juga bertuah kerana UNIMAS terletak di negeri Sarawak yang kaya dengan biodiversiti

dan sumber asli. Kita harus mengambil kesempatan ini untuk mengetengahkan kekuatan dan kepakaran kita dalam Bidang Tujahan Penyelidikan yang telah kita kenalpasti seperti pengurusan biodiversiti dan persekitaran, *Emergence Tropical Infectious Disease*, pembangunan ICT, ICT untuk pembangunan, tenaga boleh diperbaharui dan rekabentuk industri.

5 Sebagai IPTA terkemuka di rantau ini, adakah UNIMAS menyumbang dalam projek SCORE yang dibangunkan oleh Kerajaan sekarang ini?

Terletak di Sarawak, sesetengah pihak berpendapat ianya merupakan satu kekurangan bagi UNIMAS kerana terletak jauh dari aliran utama pendidikan negara yang berpusat di Lembah Klang. Walau bagaimanapun, saya melihat kekurangan ini sebagai satu kelebihan yang amat besar kepada UNIMAS kerana kita berpeluang untuk memainkan peranan penting dan signifikan kepada pembangunan SCORE yang merupakan agenda utama kepada Kerajaan Negeri Sarawak.

Saya yakin UNIMAS mampu menjadi penyumbang kepada dua aspek utama iaitu keperluan pembangunan sumber manusia dan keperluan teknologi kepada pembangunan SCORE. Dari segi dimensi keperluan sumber manusia, ianya akan disediakan oleh program akademik sedia ada dan yang akan ditawarkan untuk menyokong SCORE. Manakala, penyelidikan dan inovasi kita akan melihat kepada keperluan teknologi yang menyokong keperluan dari teknikal pembangunan SCORE.

Sebagai langkah awal, kita telah bersetuju untuk membangunkan Pusat Penyelidikan UNIMAS, Mukah sebagai hub penyelidikan UNIMAS untuk menyokong kepada pembangunan SCORE secara terus.

6 Apakah pandangan Prof tentang kebolehpasaran graduan UNIMAS dalam bidang pekerjaan terutama

SCORE?

Berdasarkan kepada Kajian Strategik Sumber Manusia SCORE sehingga tahun 2030, sebanyak 468,000 peluang pekerjaan tenaga mahir dan separuh mahir di seluruh Sarawak serta 94,000 peluang pekerjaan untuk 10 industri di dalam SCORE.

UNIMAS mensasarkan untuk menjadi penyumbang utama kepada keperluan peluang pekerjaan ini di mana tumpuan akan diberikan kepada bidang berkaitan dengan kejuruteraan, industri berasaskan minyak, aluminium, akuakultur, kejuruteraan marin, penternakan dan beberapa lagi.

Dengan program akademik sedia ada dan program baharu yang sedang dirancang, saya percaya UNIMAS akan dapat menjadi sebuah IPTA yang relevan dan memberikan sumbangan penting kepada keperluan tenaga kerja mahir SCORE dari segi kebolehpekerjaan graduan UNIMAS.

7 Apakah harapan Prof Dato' ke atas UNIMAS pada masa hadapan kelak?

Saya ingin melihat UNIMAS menjadi pemain utama dalam pembangunan Negeri Sarawak. UNIMAS perlu fokus kepada jalinan komuniti dan industri untuk memastikan kesinambungan sumbangan UNIMAS kepada pembangunan rakyat dan Negeri Sarawak yang telah banyak menyokong sepanjang 21 tahun penubuhannya di Sarawak. Dalam masa 20 tahun dari sekarang, saya dapat melihat UNIMAS mengukuhkan kehadiran fizikalnya di Sarawak dengan pembangunan pusat-pusat pengajaran pembelajaran dan penyelidikan di di setiap zon di Negeri Sarawak seperti Sibu, Mukah dan Miri.

Dengan terus membuat perubahan berdasarkan keperluan semasa lanskap institut pengajian tinggi negara untuk kekal relevan, UNIMAS akan menjadi sebuah IPTA yang ulung di rantau ini dan menjadi kebanggaan rakyat Sarawak.



Kecacatan Bukan Penghalang untuk BERJAYA



Kecacatan bukan penghalang buat dua pelajar baharu UNIMAS untuk meneruskan pengajian di menara gading demi mencapai impian yang ditanam sejak kecil lagi.

Nur Azman Junaini, yang kehilangan kaki sebelah kanan akibat dari satu kemalangan pada bulan Mei lepas menanam cita-cita untuk menjadi ahli akademik pada satu hari kelak.

Pemuda yang berusia 20 tahun dan berasal dari Petra Jaya itu pada mulanya merasa kecewa dan bimbang jika kecacatan yang beliau hadapi akan menghalangnya dari mencapai cita-cita berkenaan.

“Saya sebenarnya baru sahaja menghabiskan pengajian di peringkat matrikulasi di Kolej Matrikulasi Labuan pada awal tahun ini dan kemalangan berlaku semasa saya menunggang

motosikal bersama saudara dan dilanggar oleh motosikal lain yang hilang kawalan di Jalan Matang.

“Pada awalnya saya memang kecewa tetapi saya menguatkan semangat demi cita-cita. Saya amat bersyukur kerana masih lagi bernyawa dan diterima masuk belajar di UNIMAS,” katanya yang akan melanjutkan pelajaran dalam bidang Sains Komputer dan Teknologi Maklumat di UNIMAS.

Manakala Teo Suat Nei, 21, yang hilang penglihatan sejak berusia enam tahun bersyukur kerana dapat melanjutkan pelajaran di UNIMAS dalam bidang ekonomi dan perniagaan.

“Saya masih ingat semasa daya penglihatan saya hilang sewaktu pulang dari tabika. Doktor memberitahu ia disebabkan masalah saraf dan dia juga menyatakan ia disebabkan genetik tetapi dalam keluarga

saya, tidak ada masalah sebegini,” katanya yang berasal dari Batu Pahat, Johor.

Anak bongsu dari tiga orang adik beradik memberitahu masalah penglihatan yang dihadapinya itu langsung tidak menghalang beliau untuk berjaya dalam pelajaran.

Beliau yang pernah memasuki sekolah rendah istimewa di Johor Bahru semasa berusia sembilan tahun dan kemudiannya di SMK Setapak dan SMK St John, Kuala Lumpur mempunyai cita-cita besar untuk menjadi seorang pensyarah suatu hari nanti.

Naib Canselor UNIMAS, Prof Dato’ Dr Mohamad Kadim Suadi berkata selain dari Nur Azman dan Teo Suat Nei, universiti ini kini mempunyai sepuluh orang pelajar kurang upaya yang menyambung pelajaran mereka di fakulti berlainan.

“Kita akan terus berusaha menyediakan kemudahan kepada pelajar kurang upaya agar mereka merasa terlindung dan selesa untuk mendapat pembelajaran sama seperti pelajar normal lain,” katanya.

Mengenai kemasukan pelajar baharu ke UNIMAS bagi sesi 2013/2014, Naib Canselor berkata seramai 4,500 pelajar baharu telah ditawarkan menyambung pelajar di UNIMAS.

Beliau memberitahu, 68 peratus pelajar yang ditawarkan ke UNIMAS adalah wanita manakala selebihnya (32 peratus) adalah pelajar lelaki.

Hadir menyaksikan Majlis Angkat Sumpah pelajar baharu UNIMAS ialah Menteri Kebajikan, Wanita dan Pembangunan Keluarga, Datuk Hajah Fatimah Abdullah di DeTAR PUTRA baru-baru ini.





Pelajar UNIMAS kagum dapat saksi *Rafflesia Mekar*

Seramai 96 orang pelajar dari Fakulti Sains dan Teknologi Sumber UNIMAS telah melakukan kerja lapangan di Taman Negara Gunung Gading selama tiga hari bermula 17 hingga 19 Mei lepas.

Kegembiraan jelas terpapar di riak wajah pelajar yang menyertai kerja lapangan di gunung berkenaan lebih-lebih lagi apabila

melihat sendiri bunga Rafflesia yang berukuran 75 cm yang mekar.

Bunga Rafflesia merupakan salah satu dari tumbuhan yang dilindungi oleh Kerajaan Negeri di bawah Ordinan Hidupan Liar Sarawak dan merupakan satu daripada daya tarikan untuk ekopelancongan di negeri ini.

Pelajar dan staf UNIMAS

yang menyertai kerja lapangan ini merasakan diri mereka bertuah kerana dapat melihat musim bunga Rafflesia yang mekar pada masa sekarang.

Mereka turut berterima-kasih dengan Pegawai di Taman Negara Gunung Gading atas kerjasama yang mereka berikan sepanjang kerja lapangan ini.

Kerja lapangan tersebut diketuai oleh Kordinator Kursus, Puan Jamilah Jamel dan lima lagi rakan sejawatan lain dalam usaha memberi pendedahan tentang tugas-tugas praktikal, memahami dan menerapkan bakat dalam mengenal-pasti tumbuhan dan mewujudkan rasa minat ke atas biodiversiti dan alam sekitar.



Usaha Lindungi Burung Kenyalang : UNIMAS buat kajian

UNIMAS mengorak langkah untuk mengkaji tentang habitat dan populasi burung Kenyalang di kawasan sekitar terutama di kawasan Santubong.

Kajian akan diketuai oleh Jabatan Zoologi UNIMAS dari Fakulti Sains dan Teknologi Sumber (FSTS) dengan kerjasama Perbadanan Perhutanan

Sarawak dan 'Permai Rainforest Resort' akan mengukur persepsi masyarakat mengenai perlindungan burung Kenyalang yang terdapat di negeri ini.

Ketua Jabatan Zoologi FSTS Dr Mohd Azlan Jayasilan Abd Gulam Azad memberitahu masih ramai pihak yang tidak mengetahui populasi dan cara melindungi burung Kenyalang

meskipun burung itu sinonim sebagai lambang negeri Sarawak.

Beliau menambah kajian tersebut akan disertai oleh 69 orang pelajar mereka akan membuat kajian dengan penduduk tentang tahap minat dan pengetahuan penduduk dalam melindungi burung Kenyalang.

Empat buah kampung akan dijadikan tumpuan kajian iaitu Kampung Santubong, Kampung Buntal, Kampung Sungai Lumut dan Kampung Salak.

"Dengan hasil maklumat yang diperolehi nanti boleh digunakan untuk pengurusan taman terutama berkaitan perlindungan hidupan liar dan habitat selain membantu sektor pelancongan," katanya.

Dr Azlan berkata, kajian itu merupakan usaha perintis UNIMAS kepada lebih banyak lagi kajian berkaitan hidupan liar di negeri ini pada masa akan datang.

MoA bersama Dermaga Builders Sdn Bhd berkaitan Teknologi Hijau



UNIMAS telah menandatangani memorandum persetujuan (MoA) bersama Dermaga Builders

Sdn Bhd bagi memindahkan hasil penyelidikan keatas air bersih hasil daripada teknologi hijau kepada industri dan masyarakat.

Kerjasama ini mengikat kedua-dua organisasi dalam usaha pembuatan mesin rawatan air bagi tujuan domestik dan industri serta meneroka potensi lain yang terdapat dalam bidang ini dengan membawa bersama kemahiran penyelidikan dan pengalaman perniagaan untuk masa depan pembangunan teknologi rawatan air dan mesin. MoA diantara UNIMAS dan Dermaga Builders Sdn Bhd ini telah ditandatangani oleh Naib Canselor UNIMAS Prof Dato' Dr Mohamad Kadim Suaidi dan Pengerusi Eksekutif Syarikat terbabit Dato Che Mat Wanik. Majlis menandatangani perjanjian ini telah dilakukan setelah selesai upacara pembukaan Persidangan kali ke-6 Kejuruteraan Peringkat Antarabangsa (EnCon 2013) yang diadakan di Hotel Hilton, Kuching

Pelajar anjur *Let's Move and Shake*



Seramai 150 orang pelajar dan 20 orang staf Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) telah mengambil bahagian dalam acara "Let's Move and Shake" yang telah dianjurkan oleh pelajar tahun ketiga Fakulti Sains Sosial dan Pengajian Komunikasi.

Program bermula seawal 6.50 pagi dengan program berjalan kaki sejauh 4.5 kilometer mengelilingi kolej Allamanda dan Kolej Bunga Raya sebelum kembali ke garisan penamat yang bertempat di bangunan Hal Ehwal Pelajar.

Program ini bertujuan untuk menimbulkan kesedaran bagi membendung penyakit obesiti dalam kalangan rakyat Malaysia khasnya kepada golongan belia dan dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor UNIMAS (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Prof. Mohd Fadzil Abdul Rahman.

Prof Mohd Fadzil memberitahu Malaysia tersenarai dalam negara yang ke enam mempunyai bilangan kes obesiti terbanyak di dunia sekaligus menyeru kepada para pelajar UNIMAS untuk mengamalkan diet yang sihat dan amalkan

bersenam selalu.

"Makanan segera merupakan salah satu punca Malaysia tersenarai dalam senarai ke enam negara tertinggi bilangan kes obesiti",

Sementara itu, menurut penganjur, Sim Wei Li, obesiti boleh mencetuskan penyakit tidak berjangkit seperti diabetes, penyakit jantung, dan juga kanser.

"Kita harus melawan obesiti. Inilah sebab utama acara ini diadakan," kata Sim yang juga merupakan pelajar komunikasi tahun ketiga.

EKSPO PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN (R&D) UNIMAS



**UNIMAS
MENANG
Dua Anugerah**



UNIMAS dengan jayanya telah menganjurkan ekspso kali ke-6 pembangunan dan penyelidikan (R&D) 2013 dari 20-21 Mac 2013. Tema untuk ekspso pada tahun ini ialah "Menggalakkan pengkomersialan menerusi inovasi penyelidikan dan pembangunan (R&D)". Ekspso tersebut telah dibahagikan kepada empat kelompok yang berlainan iaitu sains tulen, teknologi dan kejuruteraan, teknologi maklumat dan komunikasi, dan sains sosial/

kemanusiaan. Pameran tersebut merangkumi rekaan kreatif menggunakan bahan kitar semula, kejuruteraan alam sekitar, teknologi robotik, kelengkapan perubatan, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), pengukuhan sistem realiti dan *soft science*. Ekspso penyelidikan dan pembangunan (R&D) 2013 kali ke enam ini merupakan satu langkah kearah mencapai kecemerlangan dalam penyelidikan UNIMAS.

Dua anugerah peringkat antarabangsa telah dimenangi oleh UNIMAS menerusi Anugerah Telecentre pertama anjuran *Telecentre.org Foundation (TCF) and Spark* di Granada, Sepanyol. Anugerah tersebut diterima oleh Stanley Isaac bagi pihak komuniti Bario dan Institut Sains Informatik dan Teknologi Inovasi UNIMAS (ISITI). Terdapat enam kategori yang berbeza dan "Perkampungan Inovasi eBario" telah dipilih sebagai Penerima Utama dan Komuniti Pilihan Global (menerusi undian dalam talian) dalam kategori Inovasi Telecentre Terbaik. Projek tersebut dibiayai oleh *Indigenous People' Assistance Facility of the International Fund for Agricultural Development (IFAD)*.

MoA bersama UNITEN berkaitan tenaga boleh diperbaharui (Renewable Energy)



UNIMAS juga telah menandatangani memorandum persefahaman (MoU) bersama Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) setelah selesai upacara pembukaan Persidangan kali ke-6 Kejuruteraan Peringkat Antarabangsa (EnCon 2013) di Hotel Hilton, Kuching pada 2 Julai 2013. UNIMAS telah diwakili oleh Naib Canselor Prof

Dato' Dr Mohamad Kadim Suaidi dan UNITEN yang diwakili oleh Naib Canselor Dato Seri Prof Mashkuri Yaacob. "Persetujuan ini akan membolehkan kedua-dua pihak untuk bekerjasama dalam hal berkaitan tenaga boleh diperbaharui disamping ingin mempromosikan kerjasama dalam bidang berkaitan *Biomass, Bio-Fuel*, dan penjaan tenaga melalui haba suria," kata Prof Dato' Dr Mohamad Kadim Suaidi. Antara kerjasama lain yang termasuk dalam perjanjian ini ialah penggunaan kemudahan secara bersama dan penyeliaan pengajian siswazah, pertukaran staf akademik, penyelidikan bersama, aktiviti pengajaran dan program pertukaran pelajar.

UNIMAS dan Universiti Kitakyushu (UKK), Jepun Jalinan Hubungan Antarabangsa

Satu delegasi dari Universiti Kitakyushu (UKK) Jepun dan Pengarah Eksekutif Persatuan Malaysia-Jepun telah mengadakan kunjungan hormat ke pejabat Naib Canselor UNIMAS, Prof Dato' Dr Mohamad Kadim Suaidi pada 11 Jun 2013 yang lepas.

Delegasi daripada Universiti Kitakyushu itu terdiri daripada Prof Dr Takekawa Daisuke, Prof bidang Anthropologi, Yoichi Kamino, Pengarah Hubungan Antarabangsa dan Jabatan Hal Ehwal Serantau dan Yumiko Shibata, Pegawai Pertukaran Antarabangsa.

Lawatan selama 30 minit itu memberi serba sedikit gambaran berkaitan Universiti dan Bandar

Kitakyushu yang telah dipilih oleh OECD sebagai bandar hijau pertama di Asia.

Pihak UKK juga bercadang untuk bekerjasama dengan UNIMAS mempromosikan projek pembangunan sumber manusia oleh Kementerian Pendidikan di Jepun.

Turut hadir semasa lawatan ialah Prof Dr Kasing Apun, Ketua, Jabatan Hubungan Luar UNIMAS, dan Puan Sakai Kazue dari Insar Touts & Travel, Kuching. Selepas lawatan, delegasi mengadakan perbincangan lanjut dengan

bagian Hubungan Luar, pensyarah daripada Pusat Pengajian Bahasa, Fakulti Ekonomi dan Perniagaan dan Fakulti Sains Sumber dan Teknologi.

Perbincangan meliputi aspek berkaitan pertukaran kajian, pertukaran staf, program bahasa Jepun, Program pertukaran pelajar daripada UKK semasa musim bunga/panas. Kedua-dua pihak bersetuju untuk melanjutkan kemungkinan mewujudkan usahasama melalui pemeteraian memorandum persefahaman (MoU).

Kerjasama diantara UNIMAS dan Universiti Limoges, Perancis dalam program PhD.



Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) telah menandatangani memorandum persetujuan bersama (MoA) bagi program PhD dengan University of

Limoges, Perancis bertarikh 2 July 2013. Kerjasama tersebut akan membolehkan calon program PhD dalam bidang kejuruteraan, Dayang Salyani Abang Mahmod meneruskan penyelidikannya

di bawah penyeliaan bersama diantara Prof Dr Jean Claude Labbe dan Dr Nicolas Glandut dari Universiti Limoges, Prof Dr Amir Azam Khan dan Dr Magdalene Andrew Munot dari UNIMAS. MoA tersebut merupakan kesinambungan dari memorandum persefahaman yang telah ditandatangani pada 17 Januari 2008 oleh ahli HEI perancis (Institut Pengajian Tinggi), pihak UNIMAS dan 10 universiti lain di Malaysia. Majlis menandatangani perjanjian tersebut bertempat di Hotel Hilton, Kuching selepas selesai upacara pembukaan Persidangan Kejuruteraan buat kali ke-6 Peringkat Antarabangsa (EnCon 2013). Menteri Pembangunan Infrastruktur dan Komunikasi Sarawak, Dato Sri Michael Manyin Jawong menyaksikan majlis tersebut. Turut hadir adalah Timbalan Naib Canselor UNIMAS (Penyelidikan dan Inovasi) Prof Dr Peter Songan.



Logo



Jubah



Tema keseluruhan mencerminkan iltizam UNIMAS terhadap ilmu dan kecemerlangan. Pokok, suatu simbol pertumbuhan dan ilmu, juga mewakili sumber asli Malaysia, serta kelompok etnik dan budayanya yang berbagai-bagai. Tangan berjabat menandakan perpaduan dalam kepelbagaian, keprihatinan terhadap alam sekitar dan masyarakat, serta pemanfaatan dan pengoptimuman ilmu baru dan berguna dalam pembangunan. Kedua-dua tangan dan pokok membentuk huruf 'S' bagi Sarawak. Warna-warna yang terpilih: Biru dan merah melambangkan kesepaduan pendidikan dan teknologi, sementara kuning emas mencerminkan kualiti dan kecemerlangan dalam pembangunan sumber tenaga manusia dan perkhidmatan.

Jubah Akademik UNIMAS dibuat oleh pengusaha tempatan. Warna jubah: biru bagi prasiswazah, merah bagi pascasiswazah menandakan kelulusan akademik pemakai. Bahagian hadapan lapel jubah bertentukan songket. Corak yang terdapat pada lapel songket ialah gabungan beberapa elemen etnik tempatan untuk menghasilkan corak UNIMAS yang unik.

Bunga pecah lapan mencerminkan lapan buah fakulti yang telah tertubuh di UNIMAS selain bermaksud UNIMAS merupakan universiti kelapan yang ditubuhkan di negara ini. Bunga ini menandakan UNIMAS sentiasa subur dan dinamis. Tertumbuhnya dari satu rumpun membawa erti bahawa bahagian-bahagian UNIMAS sentiasa bersepadu dan berganding bahu, bekerjasama ke arah mencapai misi korporat UNIMAS. Bunga pecah lapan itu dipagari di setiap sisinya oleh dua tingkat corak pucuk rebung. Tingkat pertama melambangkan masyarakat dan industri tempatan yang menentukan kerelevanan UNIMAS. Manakala tingkat kedua melambangkan dunia luar antarabangsa yang universiti harus peka dengan segala perkembangannya demi memastikan UNIMAS sebuah institusi global yang mementingkan kualiti tinggi dan kecemerlangan.

Gubahan di atas diiringi pula oleh elemen ukiran tempatan yang melambangkan bahawa UNIMAS sebuah universiti berbudaya dan kewujudannya dicorakkan oleh nilai-nilai murni dan ketimuran.

Rangkaian bentuk huruf 'S' di sepanjang kiri kanan lapel menandakan UNIMAS sebuah universiti gelombang baru yang sentiasa luwes sifatnya dan bersedia menangani perubahan yang tidak terduga. Bentuk huruf itu juga, menunjukkan lokasi UNIMAS di negeri Sarawak, sebuah negeri yang dinamis pembangunannya, dan UNIMAS mengambil manfaat daripada kekayaan dan kekuatan lokasi ini.

Taburan tiga warna korporat UNIMAS – biru, kuning emas dan merah pada bunga-bunga pecah lapan, melambangkan kecemerlangan dalam ketiga-tiga urusan teras universiti: pengajaran-pembelajaran, penyelidikan dan perkhidmatan.

Cokmar




Cokmar UNIMAS yang berbentuk PERMATA LAPAN SEGI bertatahkan emas meruncing ke atas merupakan lambang tertubuhnya UNIMAS sebagai universiti awam yang kelapan di Malaysia. Ia turut mencerminkan iltizam universiti terhadap keilmuan yang tinggi dan meningkatkan kualiti budaya bangsa.




Permata emas yang diapung oleh empat sangga berukir awan larat bersalut emas melambangkan pendidikan untuk keterampilan, beriltizam memujuk budaya pembelajaran, mengaplikasi kepakaran dan memikul tanggungjawab serta bertanggungperi.

KALIMAH "BISMILLAH" dan surah "AL-ALAQ" menggambarkan konsep Islam sebagai agama rasmi Negara.

Manakala lambang 14 negeri dan lambang Kerajaan Persekutuan yang mewakili sebuah negara beraja yang teguh, stabil dan makmur sebagai penaung UNIMAS.



Permukaan cokmar yang diukir secara halus bermotifkan corak tenunan UNIMAS yang mencerminkan sifat kecemerlangan dalam bidang pengajaran, penyelidikan dan keserjanaan.



UKIRAN LIMA LILITAN yang beralun, melambangkan paradigma baru universiti gelombang kelima yang bersifat strategik dan inovatif yang menjamin mutu dan amalan intelek yang maksimum.



Tiga bahagian pergelangan emas yang tersemat kemas dan erat pada cokmar mewakili fakulti, institut dan pusat yang menawarkan pelbagai bidang pengajaran dan pembelajaran di UNIMAS.